

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTAJAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah GST yang dikutip dalam bulan April 2015 mengikut pecahan industri dan negeri. Sila nyatakan sama ada jumlah ini mengikut ramalan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara asasnya, kutipan GST terdiri daripada dua komponen iaitu kutipan GST ke atas pengimportan dan kutipan GST tempatan. Jumlah keseluruhan

kutipan hasil GST dari bulan April hingga Mei 2015 adalah sebanyak RM4.95 bilion. Pecahan kutipan hasil dari pengimportan adalah sebanyak RM2.86 bilion, sementara kutipan GST tempatan adalah sebanyak RM2.09 bilion

Data kutipan GST mengikut industri bagi bulan April 2015 dan Mei 2015 masih lagi belum dimuktamadkan. Ini disebabkan, antara lain, bagi syarikat-syarikat yang mempunyai tempoh bercukai tiga bulan, penyata GST-03 hanya akan dikemukakan pada bulan berikutnya iaitu bulan Julai 2015. Oleh itu, kutipan hasil GST bagi tempoh bercukai bulan April, Mei dan Jun hanya akan dapat dimuktamadkan selepas 31 Julai 2015.

JKDM tidak menyediakan data kutipan GST berdasarkan negeri memandangkan kutipan hasil GST adalah merupakan cukai persekutuan. Tambahan pula, kutipan GST di sesebuah negeri tidak semestinya berkaitan secara langsung dengan aktiviti perniagaan di negeri berkenaan. Sebagai contoh, kutipan GST yang dibuat oleh ibu pejabat syarikat yang bertempat di negeri Johor boleh merangkumi transaksi yang dilakukan oleh cawangannya yang bertempat di lain-lain negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi jumlah kutipan yang telah berjaya diperolehi setakat bulan Mei 2015, jumlahnya adalah selaras

dengan jumlah yang telah dianggarkan sebelum pelaksanaannya. Sebagaimana diumumkan dalam pembentangan Bajet 2015, Kerajaan menjangkakan anggaran kutipan hasil GST bagi tahun 2015 untuk tempoh 9 bulan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015 adalah sebanyak RM23.2 bilion. Namun begitu, dengan mengambil kira pemansuhan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) termasuk pakej bantuan cukai dan bukan cukai, maka hasil tambahan bersih bagi tempoh April hingga Disember 2015 dianggarkan sebanyak RM690 juta.